



TUANKU NAJIAH menyampaikan Anugerah Pelajaran Diraja kepada Graduan Sarjana Muda Komunikasi, Fauziah Hassan pada Majlis Konvokesyen Keenam Usim di Putrajaya, semalam.

'Pelajar aktif bantu majukan negara'

PUTRAJAYA: Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Tuanku Najiah Tunku Besar Burhanuddin meminta graduan universiti itu memainkan peranan lebih aktif bagi membantu negara mencapai kemajuan dan pembangunan lebih pesat pada masa depan.

Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan berkata, sumbangan mereka itu diperlukan negara bagi membolehkan masyarakat menikmati lebih banyak manfaat daripada pembangunan yang dicapai.

"Oleh itu, Islam akan dilihat sebagai satu agama rah-

mat dan cara hidup progresif. Umat Islam pula boleh muncul sebagai umat contoh yang terbaik," titahnya pada Majlis Konvokesyen Keenam Usim, di sini semalam.

Terdahulu, seramai 289 graduan Usim menerima ijazah masing-masing daripada Tuanku Najihar.